

E-BULETIN KOPERASI

SINOPSIS

DITERBITKAN OLEH: BAHAGIAN PROMOSI & PENGGALAKAN KOPERASI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



PROGRAM BELIA DAN KOPERASI

**“MENCIPTA
KEKAYAAN**
membina masa depan”

22 Julai 2026 (Rabu)

Dewan Al-Jazari

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah





Program Belia dan Koperasi: "Mencipta Kekayaan, Membina Masa Depan"

telah diadakan pada 22 Julai 2026 di Dewan Al-Jazari, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Program anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah dengan kerjasama Koperasi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Berhad (KOPSA) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Azli bin Yusof, Ahli Parlimen Shah Alam merangkap Anggota Lembaga Pengarah IKMa.



Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada golongan belia mengenai kelebihan, keistimewaan dan peluang yang ditawarkan oleh gerakan koperasi dalam membina kerjaya, menjana pendapatan serta mengembangkan potensi diri melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti ekonomi koperasi.





Turut diadakan Jualan MADANI Koperasi (JMK) yang melibatkan penyertaan tiga koperasi dengan subsidi keseluruhan berjumlah RM15,000. Program jualan ini berjaya merekodkan jumlah jualan keseluruhan sebanyak RM65,871.05, termasuk subsidi yang disalurkan kepada koperasi yang terlibat.



PRESTASI JUALAN JMK MENGIKUT KOPERASI



**Koperasi Warga Institut
Koperasi Malaysia Berhad**

RM20,072.05

(termasuk subsidi berjumlah RM4,000)



**Koperasi Warga Hijrah
Selangor Berhad**

RM31,195.00

(termasuk subsidi berjumlah RM6,000)



**Koperasi Pengusaha dan
Pengilang Ubi Selangor
Berhad**

RM14,604.00

(termasuk subsidi berjumlah RM3,000)

